PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8,
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Compleks Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel : **03-8884 6077**
Fax : **03-8889 4548**
Laman web : **http//www.moe.gov.my**

KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/Jld.3(14)
1 Disember 2010

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 16, TAHUN 2010:
PELAKSANAAN DASAR SATU MURID SATU SUKAN (1M1S)

Adalah dimaklumkan bahawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sukan Sekolah yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 17 Mac 2010 telah memutuskan bahawa Dasar 1M1S akan dilaksanakan mulai 2011 di semua sekolah KPM.

2. Surat Pekeliling Ikhtisas ini adalah dikeluarkan dengan tujuan untuk memberi makluman awal kepada semua sekolah mengenai pelaksanaan Dasar 1M1S akan dilaksanakan 2011. Bagi menentukan pelaksanaan Dasar 1M1S dapat mencapai matlamat yang ditentukan, pihak pentadbir sekolah adalah diminta memastikan bahawa perkara-perkara berikut dipatuhi :

2.1 Setiap murid termasuk murid berkeperluan khas yang tidak mengalami masalah kesihatan hendaklah **WAJIB** didaftarkan untuk mengambil bahagian dalam **sekurang-kurangnya satu jenis sukan** daripada pelbagai jenis sukan yang ditawarkan oleh pihak sekolah atau yang dijalankan dengan pengetahuan dan persetujuan pihak sekolah;

2.2 Pihak sekolah hendaklah membuat perancangan bagi pengurusan aktiviti sukan di sekolah secara sistematik supaya dapat meningkatkan penyertaan dan membantu dalam perkembangan potensi setiap murid dalam sukan;

2.3 Pihak sekolah hendaklah mengoptimumkan penggunaan kemudahan, peralatan dan kepakaran yang sedia ada di sekolah atau kawasan persekitaran dengan mengutamakan keselamatan murid;

2.4 Pihak sekolah digalakkan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan agensi atau pihak luar bagi program pembangunan sukan di sekolah;

2.5 Pihak sekolah hendaklah memastikan aktiviti sukan dijalankan sepanjang tahun seperti yang disarankan dalam surat siaran bertarikh 14 Januari 2010 (No. Ruj. KP.BSSK.302-02/03/002(17);

2.6 Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas dan surat-surat siaran yang berkaitan hendaklah dibaca bersama dalam pelaksanaan Dasar 1M1S ini.

3. Bersama-sama Surat Pekeliling Ikhtisas ini disertakan garis panduan **Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M1S)** seperti di **Lampiran A** dan **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Berkaitan Sukan Dan Kokurikulum**, seperti di **Lampiran B**.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' ABDI GHAFAR BIN MAHMUD
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
   Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia

2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
   Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia

3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
   Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia

4. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pelajaran Malaysia

5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
   Kementerian Pelajaran Malaysia

6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
   Kementerian Pelajaran Malaysia

7. Ketua-Ketua Bahagian
   Kementerian Pelajaran Malaysia

8. Ketua Nazir
   Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
   Kementerian Pelajaran Malaysia

9. Penasihat Undang-Undang
   Kementerian Pelajaran Malaysia

10. Pegawai Perhubungan Awam
    Kementerian Pelajaran Malaysia

Lampiran A

PELAKSANAAN DASAR
SATU MURID SATU SUKAN (1M1S)

1.0 PENGENALAN

Dasar 1M1S mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Dasar ini menyokong pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Justeru dengan dasar ini, setiap murid akan melibatkan diri secara aktif dengan menyertai aktiviti sukan sekolah sepanjang tahun. Dasar ini adalah selaras dengan Dasar Sukan Negara untuk membudayakan sukan di kalangan masyarakat dan hendaklah dimulakan di peringkat sekolah melalui dua strategi iaitu Sukan Untuk Semua dan Sukan Untuk Kecemerlangan.

Aktiviti sukan di bawah Sukan Untuk Semua adalah sangat penting dalam membina kesihatan, sahsiah dan kesejahteraan kesemua murid. Bagi Sukan untuk Kecemerlangan, prestasi murid yang berbakat dan berpotensi hendaklah terus dibangunkan di bawah Program Kecemerlangan Bakat Muda, Sukan Prestasi Tinggi Sekolah serta sukan lain yang mampu ditawarkan oleh pihak sekolah. Oleh yang demikian, penyertaan setiap murid dalam sukan adalah amat penting sebagai satu landasan mendokong aspirasi 1Malaysia yang sihat, cergas, dinamik dan bersatu padu. Dasar ini selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri dalam mendokong semangat 1Malaysia.

2.0 MATLAMAT

Dasar 1M1S berhasrat untuk,

2.1 Membangunkan modal insan melalui penyertaan yang menyeluruh dari kalangan murid dalam kegiatan sukan sepanjang tahun.

2.2 Memupuk budaya bersukan di kalangan murid sekolah agar menjadi ahli masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas.

3.0 OBJEKTIF

Dasar 1M1S berhasrat untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

3.1 Meningkatkan kecergasan jasmani.

3.2 Membentuk sahsiah, jati diri, disiplin dan nilai murni.

3.3 Memupuk perpaduan di antara kaum.

3.4 Membentuk budaya sukan di kalangan murid.

3.5 Memenuhi naluri semulajadi murid dalam aktiviti fizikal.

3.6 Memberi keseimbangan antara keperluan akademik dengan keperluan fizikal.

3.7 Mewujudkan landasan ke arah kecemerlangan sukan.

4.0 KONSEP

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bermatlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI). Ke arah ini, konsep Dasar 1M1S adalah diwujudkan untuk menyokong FPK agar dapat:

4.1 Memberi akses kepada semua murid untuk mendapatkan faedah dari penglibatan dalam sukan khususnya kepada murid yang kurang atau tidak aktif.

4.2 Membangunkan sukan sekolah ke arah meningkatkan kadar penyertaan murid dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan di sekolah.

4.3 Memberi peluang kepada semua murid yang berbakat dan berpotensi untuk digilap ke tahap yang lebih tinggi.

5.0 SURAT SIARAN YANG BERKAITAN

5.1 Kebenaran khas kepada guru-guru dan murid-murid yang melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) memakai pakaian rasmi sukan sepanjang hari berkenaan **(Rujukan KP/KPPM/5 (49) bertarikh 26 Julai 2010).**

5.2 Jadual Pelaksanaan Program Sukan dan Permainan Sekolah Sepanjang Tahun **(Rujukan KP.BSSK.302-02/03/002(17) bertarikh 14 Januari 2010).**

5.3 Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas dan surat-surat siaran berkaitan hendaklah digunapakai.

6.0 PRINSIP PELAKSANAAN

Pelaksanaan Dasar 1M1S hendaklah mengambil kira prinsip-prinsip berikut:

6.1 Setiap murid termasuk murid berkeperluan khas yang tidak mengalami masalah kesihatan hendaklah wajib mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan. Dasar 1M1S adalah diwajibkan untuk Tahun 4 hingga Tahun 6 di sekolah rendah dan Peralihan , Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 di sekolah menengah. Walau bagaimanapun murid Murid Pra Sekolah hingga Tahun 3 digalakkan menyertai program ini berdasarkan kemampuan sekolah.

6.2 Murid boleh menyertai lebih dari satu sukan mengikut kemampuan dan sukan yang ditawarkan oleh sekolah atau yang dijalankan dengan pengetahuan dan persetujuan pihak sekolah;.

6.3 Asas kepada 1M1S adalah pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan yang berkualiti di sekolah. Segala sumber untuk mata pelajaran pendidikan jasmani hendaklah diguna sama bagi 1M1S.

6.4 Aspek yang diutamakan adalah penyertaan aktif oleh semua murid dalam aktiviti sukan.

6.5 Penyertaan dalam sukan adalah asas kepada perkembangan Intelek Rohani, Jasmani, dan Emosi murid.

6.6 Ibu bapa dan agensi luar/ rakan sukan adalah digalakkan untuk menyumbang kepada pembangunan sukan sekolah.

6.7 Setiap sekolah yang sudah pun mempunyai prasarana, kemudahan dan peralatan sukan hendaklah mengoptimumkan penggunaannya bagi meningkatkan lagi penyertaan aktif setiap murid.

7.0 PENDEKATAN PELAKSANAAN

Bagi memenuhi prinsip-prinsip pelaksanaan 1M1S, setiap sekolah mempunyai pendekatan dalam melaksanakan program sukan mengikut acuan dan kemampuan sedia ada. Dengan itu, pelaksanaan 1M1S adalah berdasarkan kepada pendekatan berikut:

7.1 Aktiviti sukan bermaksud melibatkan diri dan mengambil bahagian secara aktif dalam latihan sukan dan permainan di bawah pengurusan sekolah. Sukan yang ditawarkan di bawah 1M1S

hendaklah berunsurkan aktiviti yang melibatkan pergerakan fizikal.

7.2 Aktiviti sukan di sekolah diadakan sepanjang tahun berdasarkan kepada aktiviti rumah sukan dan kelab sukan. Kejohanan tahunan olahraga sekolah yang didahului oleh kejohanan merentas desa dan sukan tara menjadi aktiviti teras sukan di sekolah.

7.3 Pihak sekolah hendaklah mengadakan pertandingan antara tingkatan, kelas, rumah, dorm asrama, kelab sukan sekolah. Penyertaan murid dalam kejohanan MSSD/MSSN/MSSM serta peringkat antarabangsa adalah merupakan aktiviti 1M1S.

8.0 PENILAIAN

8.1 Penilaian murid adalah berdasarkan kepada sistem penilaian sedia ada yang berasaskan:

- Kehadiran;
- Jawatan Serta Sumbangan;
- Penglibatan; dan
- Pencapaian.

8.2 Perubahan pada sistem penilaian sedia ada akan berkuatkuasa dengan murid Tahun 4 dan Tingkatan 1 mulai tahun 2012.

9.0 PERSEDIAAN SETIAP AWAL TAHUN PERSEKOLAHAN

Sekolah hendaklah:

9.1 Mengadakan mesyuarat perancangan 1M1S sebelum penggal pertama persekolahan,

9.2 Menyediakan takwim tahunan dan penjadualan mingguan aktiviti sukan sekolah untuk sepanjang tahun,

9.3 Mengagihkan tugas guru mengikut sukan yang ditawarkan di Sekolah,

9.4 Mendaftar dan mengagihkan setiap murid mengikut rumah sukan dan kelab sukan, dan

9.5 Mewujudkan mekanisme pemantauan pelaksanaan 1M1S.

Lampiran B

SURAT PEKELILING IKHTISAS (SPI) BERKAITAN SUKAN DAN KOKURIKULUM, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

BIL.	TARIKH	TAJUK
SPI Bil.8/2009	17/11/2009	Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan
SPI Bil.4/2008	09/07/2008	Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK)
SPI Bil.5/2007	06/06/2007	Garis Panduan Lawatan Murid
SPI Bil.3/2006	03/02/2006	Pelaksanaan Skim Biasiswa Sukan (SBS) Kementerian Pelajaran Malaysia
SPI Bil.5/2002	01/08/2002	Lawatan Sekolah Pada Hari Persekolahan
SPI Bil.9/2000	30/03/2000	Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam Dan Di Luar Kawasan Sekolah
SPI Bil.12/2000	28/07/2000	Lawatan Pendidikan Murid Di Hari Persekolahan
SPI Bil.13/2000	03/08/2000	Pendaftaran Kegiatan Seni Bela Diri Di Sekolah-Sekolah
SPI Bil.8/1999	10/06/1999	Keselamatan Diri Murid Dalam Perjalanan Pergi Dan Balik Sekolah
SPI Bil.25/1998	18/11/1998	Pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani Dan Pendidikan Kesihatan
SPI Bil.1/1995	06/04/1995	Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam Dan Di Luar Kawasan Sekolah
SPI Bil.8/1995	11/10/1995	Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan Atau Badan Induk Sukan
SPI Bil.4/1992	10/02/1992	Panduan Penubuhan Dan Pengurusan Persatuan Silat Sekolah
SPI Bil.1/1989	03/01/1989	Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Sukan Di Sekolah
SPI Bil.2/1988	13/01/1988	Pendidikan Jasmani (Pindaan)
SPI Bil.7/1988	10/03/1988	Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan Atau Badan Induk Sukan
SPI Bil.10/1988	10/03/1988	Senaman Beramai-Ramai
SPI Bil.3/1979	02/05/1979	Pendidikan Jasmani